

BULETIN UTHM

Bil.4 April 2025 | ISSN 2232-0415



**UTHM diiktiraf sebagai
penerima
“Employers’ Choice of University”
Talentbank 2025**

ISSN 2232-0415



Global Technopreneur
University 2030

UTHM Johor www.uthm.edu.my

BULETIN UTHM

Isi Kandungan

- 1 UTHM diiktiraf sebagai penerima "Employers' Choice of University" Talentbank 2025
- 2 Kadar Bekerja Graduan UTHM capai 96.5 peratus pada 2024
- 4 UTHM raih anugerah 'Best Higher Learning Institutions of the Year' 2024 oleh Malaysian Society for Non-Destructive Testing
- 5 Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit, UTHM komited semai budaya membaca
- 7 Pusat Perumahan Pelajar UTHM lancar Sub Sistem HOMS, tambah baik pengurusan kolej kediaman
- 8 Projek UTHM Industry Research Playground rapatkan jurang antara akademik dan pemain industri
- 9 UTHM berjaya raih tempat di Pertandingan Kebangsaan Sains dan Teknologi Makanan MIFT Ke-14
- 10 Terbitan Terkini

REDAKSI

EDITOR

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

WARTAWAN / PENYELARAS

Suriyati Baharom

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi juga mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia





Kadar Bekerja Graduan UTHM capai 96.5 peratus pada 2024

BATU PAHAT, 15 April 2025 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) terus mencatat pencapaian yang membanggakan apabila merekodkan Kadar Bekerja Graduan (GE) sebanyak 96.5 peratus dan Kadar Kebolehpasaran Graduan (GM) sebanyak 96.4 peratus pada tahun 2024, mengatasi sasaran GM nasional yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) iaitu pada 86.4 peratus.

Naib Canselor, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim berkata kadar itu adalah yang tertinggi dicatatkan dalam tempoh lima tahun terakhir.

"Pencapaian ini hasil komitmen berterusan universiti dalam memastikan graduan yang dilahirkan bukan sahaja berpengetahuan malah kompeten, berketrampilan serta berdaya saing dalam pasaran kerja yang mencabar.

"Kenaikan peratusan itu juga membuktikan keupayaan dan kesungguhan UTHM dalam memperkukuh hubungan strategik dengan industri, agensi kerajaan serta komuniti, selain menyediakan pendidikan berasaskan keperluan industri," katanya.

Peningkatan tersebut turut membuktikan pelbagai inisiatif strategik yang dilaksanakan oleh UTHM dalam memperkukuhkan ekosistem pembangunan

kerjaya pelajar mula membuahkan hasil.

Antara inisiatif utama yang menyumbang kepada pencapaian tersebut termasuklah penubuhan Portal Job Centre UTHM yang menyediakan maklumat berkaitan peluang pekerjaan dan latihan industri serta menjadi medium penghubung aktif antara pelajar dan pihak industri.

UTHM turut memperkukuhkan jalinan kerjasama dengan industri melalui sesi libat urus secara konsisten, selain mengadakan perbincangan berkala berkaitan isu kebolehpasaran serta peluang pekerjaan secara langsung kepada pelajar.

Sementara itu, UTHM juga melantik seramai 23 Career Coach bertauliah, yang terdiri daripada staf akademik di setiap fakulti serta staf Pusat Kemajuan Kerjaya dan Alumni (PKKA) bagi memberi bimbingan kerjaya kepada pelajar.

Manakala program 'Finishing School' secara komprehensif pula dilaksanakan untuk memberi pendedahan menyeluruh kepada pelajar mengenai realiti dunia pekerjaan, termasuk kemahiran insaniah, etika profesional, penjenamaan diri, teknik penulisan resume, serta persediaan menghadapi sesi temuduga dan kehidupan pascakerjaya.

Selain itu, beberapa inisiatif lain yang diambil turut dibiayai melalui geran dan dana daripada KPT seperti PACE, CAP dan Dana Intervensi GE.

Geran tersebut digunakan bagi melaksanakan program *reskilling* dan *upskilling* yang menjurus kepada penguasaan kemahiran tambahan selari dengan kehendak industri semasa.

UTHM juga turut menganjurkan 'Career Fair' dan 'Mini Career Fair' secara berkala bagi menghimpunkan pelbagai syarikat industri tempatan dan

antarabangsa, serta Alumni bagi memberi bimbingan dan perkongsian pengalaman kepada pelajar.

"UTHM akan terus komited dalam memperkukuh dasar dan strategi pembangunan kerjaya pelajar demi memastikan kecemerlangan institusi ini kekal lestari dalam era persaingan global, sekali gus membantu pembangunan ekonomi dan sosial negara," tambah Dato' Ruzairi.





UTHM raih anugerah 'Best Higher Learning Institutions of the Year' 2024 oleh Malaysian Society for Non-Destructive Testing

BANGI - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi mencatat rekod kecemerlangan apabila berjaya meraih anugerah '*Best Higher Learning Institutions of the Year*' bagi tahun 2024 oleh Malaysian Society for Non-Destructive Testing (MSNT).

Anugerah itu diterima sempena berlangsungnya acara tahunan '*Annual General Meeting*' (AGM) bagi MSNT yang ke-36 bertempat di Melati Room, Bangi Resort Hotel, Bangi pada 23 April 2025.

UTHM mengatasi pencalonan daripada beberapa insituti pengajian tinggi yang lain apabila berjaya memenuhi kriteria pemilihan berdasarkan kursus *Non-Destructive Testing* (NDT) yang ditawarkan di UTHM, penyertaan di dalam kursus-kursus berkaitan NDT, bilangan staf UTHM yang mempunyai sijil-sijil kompetensi dalam NDT dan lain-lain kriteria yang berkaitan.

Pencapaian itu adalah hasil usaha dan sokongan daripada universiti yang diketuai oleh Ir. Dr. Eliza M. Yusup dan Prof. Madya Ir. Dr. Shahrul Azmir Osman melalui Pusat Industri (COI), Centre of NDT Training & Calibration (CeNDTeC), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP).

Anugerah yang disampaikan oleh Presiden MSNT, Dr. Ilham Mukriz Zainal Abidin diterima oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI), Profesor Ts. Dr. Rabiah Ahmad.

"Semoga kemenangan ini akan turut memberi semangat dan dorongan kepada rakan-rakan sekerja yang lain melibatkan diri dalam kursus-kursus kompetensi berkaitan, sekali gus memberi nilai tambah kepada diri dan juga universiti," kata Dr. Eliza.





Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit, UTHM komited semai budaya membaca

Oleh Aryanti Ahmad, dan Norashikin Johari

BATU PAHAT - Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program 'Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit' peringkat universiti pada 22 April 2025 lalu bagi menggalakkan lagi pengamalan budaya membaca dalam kalangan masyarakat.

Bertemakan "Nikmati Saat Ini," program tersebut telah dirasmikan oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim.

Beliau dalam ucapannya menekankan kepentingan membaca dalam kehidupan seharian kerana amalan itu mampu merangsang minda untuk berfikir.

"Saya menyeru warga kampus untuk membaca sekurang-kurangnya 10 minit sehari agar dapat menambah ilmu di dada sepanjang hayat kita," katanya.

Sementara itu, Pengarah Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit, Suhaimi Mohd Sukor dalam ucapannya berkata PTTA sentiasa menyokong inisiatif untuk menyemai budaya membaca dalam kalangan masyarakat antaranya melalui aktiviti sumbangan buku ke sekolah-sekolah sekitar Johor, menjalankan program-program khidmat masyarakat melalui bantuan pembangunan perpustakaan serta Program Pemantapan Insani Khalifah (PETIK).

"Pihak kami berharap program ini menjadi pemangkin untuk menanam semula minat membaca dalam kalangan masyarakat kampus, sekali gus menyokong pembangunan literasi maklumat yang lebih baik," katanya.

Program itu turut diserikan dengan sesi bual bicara bersama Iddin Ramli, penulis dan pengengaruh, yang membincangkan tajuk "Move On... Nikmati Saat Ini".

Sesi tersebut bertujuan memberi inspirasi kepada hadirin melalui buku-buku terbitan Naseehat Sdn. Bhd. yang berkonsepkan ketuhanan dan motivasi.

Program ini bukan sahaja disertai oleh warga kampus UTHM malah turut dihadiri oleh pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Gading dan SMK Tun Ismail serta guru dari sekolah-sekolah sekitar Batu Pahat.





Pusat Perumahan Pelajar UTHM lancar Sub Sistem HOMS, tambah baik pengurusan kolej kediaman

Oleh Prof Madya Ts Dr Mohd Halim Irwan Ibrahim, Amirul Faiz Abdul Latif

Bagi melancarkan proses pengurusan di kolej kediaman, Kluster Hal Ehwal Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Pusat Perumahan Pelajar (PRP) telah melancarkan Sub Sistem HOMS pada 14 April 2025 bertempat di Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk.

Sistem HOMS atau nama penuhnya Housing Office Management System yang dibangunkan hasil usahasama PRP dan Pusat Teknologi Maklumat (PTM) bertujuan mewujudkan tadbir urus penginapan yang cekap, berkesan dan dengan kos yang berbaloi.

Selain itu, pengenalan sub sistem HOMS iaitu Online Fault Reporting System (OFRS) dan Off Campus Management System (OCMS) bakal memberikan kesan signifikan terhadap pengurusan kolej kediaman khususnya dalam aspek laporan dan aduan fasiliti, serta pemetaan dan pemantauan Pelajar Tanpa Asrama (PTA).

Melalui pengenalan aplikasi HOMS yang boleh diakses oleh semua pelajar, permohonan kolej kediaman dapat dijalankan dengan lebih teratur dan cekap, selain dapat meminimalkan kesalahan dan kecaciran maklumat.

Tambahan lagi, dengan kemaskini terbaharu iaitu sistem e-merit yang mengambil kira faktor

penglibatan pelajar serta status ekonomi (B40/M40/T20) mereka, sistem itu dapat mengoptimumkan jumlah permohonan dan meningkatkan lagi kapasiti pelajar yang menduduki kolej kediaman.

Sementara itu, melalui pengenalan fungsi Online Fault Reporting System (OFRS) di bawah sub sistem HOMS, pengendalian aduan dan laporan fasiliti penghuni dapat diuruskan dengan lebih cekap dan berkesan.

Pelajar kini boleh membuat aduan kerosakan secara dalam talian di mana sahaja, manakala masa penyelesaian aduan pula dapat dipendekkan, sekali gus dapat menyediakan fasiliti penginapan yang selesa dan kondusif untuk para penghuni.

Melalui sub sistem itu juga, usaha pemantauan PTA dapat dipertingkatkan melalui pengenalan fungsi Off Campus Management System (OCMS).

Lokasi dan pemetaan lokaliti PTA dapat disemak dengan lebih tepat dan terperinci, selain pemantauan pelajar dapat dilaksanakan secara berkesan khususnya dalam aspek kebajikan dan pembangunan sahsiah pelajar.

Menurut Pengarah PRP, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Halim Irwan Ibrahim, pengenalan sistem ini adalah sebahagian daripada perancangan Anjakan PRP

2023-2025 yang direncanakan beliau seawal memegang portfolio berkenaan.

“Peluncuran ini dijangkakan bakal mewujudkan ekosistem kolej kediaman yang lebih harmoni, berteraskan teknologi seterusnya membantu mencapai sasaran 70 peratus pelajar menduduki kolej kediaman yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi,” katanya.

Majlis peluncuran tersebut telah disempurnakan oleh Naib Canselor UTHM, Profesor Dato’ Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor. Ts. Dr. Abdul Rasid Abdul Razzaq, Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab HEPA, warga kerja PRP dan Kolej-kolej Kediaman UTHM.



Projek UTHM Industry Playground itu diharap terus berkembang dan dapat meningkatkan lagi visibiliti dan kreadibiliti UTHM selaku universiti rangkaian teknikal di Malaysia (MTUN) yang mampu berkolaborasi rapat dalam menyelesaikan masalah industri secara efektif.



UTHM berjaya raih tempat di Pertandingan Kebangsaan Sains dan Teknologi Makanan MIFT Ke-14

Oleh Ts. Dr. Aida Safina Aridi, Dr. Mohamad Zulhafiz Shafiq Zuhilmi Cheng

SUBANG JAYA – Pelajar pascasiswazah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Khairunnisa Abdul Muthalib berjaya meraih tempat ketiga (2nd Runner-Up) bagi kategori 'Postgraduate Research Poster Competition' ketika menyertai Pertandingan Kebangsaan Sains dan Teknologi Makanan anjuran Malaysian Institute of Food Technology (MIFT) kali ke-14.

Kejayaan itu sekali gus mengangkat nama UTHM antara universiti yang menyerlah dalam penyelidikan berimpak tinggi.

Selain Khairunnisa, tujuh pelajar dari Jabatan Teknologi dan Sumber Semulajadi, Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST) turut mewakili universiti dalam pertandingan tersebut yang diadakan di Taylor's University, Kampus Lakeside, Selangor pada 11 dan 12 April 2025 lalu.

Pertandingan berprestij yang berlangsung selama dua hari itu telah menghimpunkan pelajar dari pelbagai institusi pengajian tinggi seluruh negara dalam bidang Sains dan Teknologi Makanan.

Bagi kategori Undergraduate Food Bowl Quiz, UTHM diwakili oleh empat pelajar tahun dua iaitu Ong Yong Veness, Loh Hui Ying, Aisyah Adani Muhamad Hasyimi dan Bo Wen Tat.

Manakala bagi Undergraduate Oratory Competition, Noor Aliah Ahmad Razi turut menunjukkan bakat dalam pidato ilmiah.

Dua lagi pelajar pascasiswazah (Ph.D) turut membawa nama UTHM dalam kategori penyelidikan iaitu Nur Fazira Abdul Rahim bagi Oral Postgraduate Research Paper Competition dan Ernna Erynna Mohamad Kahar bagi Postgraduate Research Poster Competition.


Penyertaan mereka turut dibantu oleh dua pensyarah bidang Teknologi Makanan, FAST iaitu Ts. Dr. Aida Safina Aridi dan Dr. Mohamad Zulhafiz Shafiq Zuhilmi Cheng.

Lebih daripada sekadar pertandingan, penyertaan itu telah membuka peluang kepada para pelajar untuk membina rangkaian profesional, memperluas ilmu serta meningkatkan kemahiran komunikasi dan penyampaian ilmiah.

Ia juga memberi pendedahan langsung kepada perkembangan semasa industri makanan melalui interaksi bersama pakar-pakar industri dan pelajar dari pelbagai latar belakang akademik.

UTHM kekal komited dalam memperkasa pembangunan pelajar secara holistik, melahirkan graduan berkualiti tinggi yang bersedia bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa selaras dengan aspirasi negara dalam bidang pendidikan tinggi dan pembangunan teknologi makanan.

Terbitan Terkini



RESEARCH METHODOLOGY PRACTICAL LABS AND GUIDES

Dr. SHAZAITUL AZREEN BINTI RODZALAN

PROF. Dr. NOR HAZANA BINTI ABDULLAH

PROF. MADYA Dr. NOR AZIATI BINTI ABDUL HAMID

978-629-490-106-3

Research Methodology: Practical Labs and Guides is a thorough guide design to lead researchers through every phase of the research process, whether using quantitative or qualitative methods. It provides hands-on lab sheets and instructions for each research step, ensuring that researchers are well-equipped to plan, execute, and report their studies successfully. The book begins by introducing fundamental research concepts and differentiating between quantitative and qualitative methodologies, setting a strong foundation for the research journey. The book will guide researchers on selecting a research topic and effectively searching for relevant literature using Mendeley software. Next, the section on formulating a problem statement helps researchers refine and clarify their research problem, creating a clear focus for their inquiry. This book also includes labs on developing a literature review matrix (LR Matrix) to synthesize existing research, formulating focused research questions, and conceptualize and operationalize variables. In addition, it covers labs on designing surveys and interviews, as well as collecting data. Once data is collected, the book provides labs on analyzing and interpreting both quantitative and qualitative data. Finally, the section on reporting offers advice on effectively communicating research findings, including the appropriate structure and style for research reports.



BASIC MODELLING OF ARCHITECTURE

Ts. NUR FAEZAH BINTI YAHYA

Ts. MOHD SUFYAN BIN ABDULLAH

Ts. Dr. PENIEL ANG SOON ERN

Ir. Ts. Dr. MOHAMAD HAIRI BIN OSMAN

978-629-490-096-7

This book is a comprehensive guide designed for beginners exploring Autodesk Revit software in architectural modelling. It begins by explaining the Revit user interface, an essential aspect for users to familiarize themselves with the tool. It provides details on the software's organization and how to optimize efficiency. Subsequently, the book proceeds to modelling architecture, covering topics such as project creation, constructing elevation and gridlines, wall, and floor modelling, inserting doors and windows, constructing staircases, creating railings, ceilings, and roofs. Furthermore, this book guides users through inserting building components, creating sections, and generating construction documents complete with tagging, annotation, and scheduling features. At the end of this book, there are exercise questions that offer opportunities for practical application. In conclusion, this book offers hands-on learning experiences, empowering both students and beginners using Autodesk Revit Architecture to proficiently navigate Revit and produce detailed architectural models and documentation.

Terbitan Terkini



QUALITY CONTROL 1 INTRODUCTION TO QC TOOLS AND TECHNIQUES

PROF. MADYA Ts. Dr. MD FAUZI BIN AHMAD @ MOHAMAD

978-629-490-110-0

Welcome to the world of Quality Control - a journey into the heart of ensuring excellence in products and processes. This book delves into the fundamental principles, methodologies, and best practices that drive the pursuit of unparalleled quality across industries. Quality control is not just a process; it is a mindset that embodies the relentless pursuit of perfection. In today's competitive landscape, delivering high-quality products and services is no longer an option; it is a necessity. This book is designed to equip readers with a comprehensive understanding of quality control principles and how they can be applied to drive continuous improvement and achieve customer satisfaction. The primary aim of this book is to provide a valuable resource for students, professionals, and quality enthusiasts alike, seeking to deepen their knowledge and expertise in the realm of quality control. I hope this book inspires you to embrace the spirit of continuous improvement, to strive for excellence in all your endeavors, and to embrace the transformative power of quality control. Remember, quality control is not just a practice; it is a commitment to excellence - a commitment we make to ourselves, our customers, and the world at large.

Let the journey begin.

